



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mempunyai **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Statistik menunjukkan peratusan usahawan yang gagal pada dua tahun pertama adalah sangat tinggi. Langkah yang manakah perlu diambil untuk mengelak kegagalan?
  - A Urus sumber kewangan.
  - B Mencapai potensi diri sepenuhnya.
  - C Tumpuan pada perkara yang sia-sia.
  - D Melakukan sesuatu yang anda suka dan gembira.

Kewujudan peluang perniagaan menawarkan barangan dalam pasaran tertentu, memberi peluang kepada peniaga untuk menambahkan pendapatan sekali gus menjanjikan pulangan yang memuaskan.


**Pernyataan 1**

2. Barang yang dimaksudkan dalam pernyataan 1 di atas ialah
  - A barang yang telah wujud dan menepati cita rasa.
  - B barang yang menjanjikan pulangan dan kualiti yang sederhana.
  - C barang yang telah wujud dalam pasaran tetapi belum memenuhi permintaan dan cita rasa.
  - D barang yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan mampu memberi kesempurnaan dalam kualiti barangan.
3. Antara berikut, yang manakah terletak dalam risiko kewangan?
  - A Debit
  - B Pinjaman
  - C Tahap kepekatan
  - D Tukaran wang domestik

4. Pilih jawapan yang tepat bagi faktor untuk memilih lokasi perniagaan
- Jarak dari bekalan bahan.
  - Berhampiran dengan bekalan tenaga dan pekerja.
  - Jarak dari pasaran.
  - Jenis tanah.
- A i, ii  
B i, iii  
C ii, iv  
D i, ii, iii

Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua, iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak





**Pernyataan 2**

5. Kategori segmen pemasaran yang sesuai bagi pernyataan 2 ialah
- aktiviti.
  - geografi.
  - demografi.
  - psikografik.
6. Contoh kos tidak langsung tenaga pekerja di dalam restoran ialah
- pelayan.
  - penyelia.
  - tukang masak.
  - pembantu tukang masak.
7. 
- Dalam carta aliran operasi, apakah maksud simbol di atas?
- Proses.
  - Simpanan.
  - Pemeriksaan.
  - Penangguhan.

Pemotongan kain
-----------------

**Pernyataan 3**

8. Berikut merupakan salah satu proses untuk membuat baju di salah sebuah kedai membuat baju di Segamat. Simbol yang manakah tepat menunjukkan situasi dari Pernyataan 3?

	Bentuk
<b>A</b>	
<b>B</b>	
<b>C</b>	
<b>D</b>	

9. Yang manakah **tidak benar** tentang langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan?
- A Memilih peluang perniagaan yang wujud.
  - B Mengetahui keperluan dan kehendak pelanggan.
  - C Menganalisis data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan.
  - D Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat.
10. Salah satu sifat perniagaan yang berteraskan perkhidmatan ialah
- A stok boleh disimpan.
  - B kualiti mudah diukur.
  - C mempunyai rupa bentuk fizikal.
  - D menitikberatkan layanan kepada pelanggan.

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tunggak kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, memahami usahawan dan keusahawanan merupakan asas bagi menjana kesedaran dan kepentingan bidang ini dalam pembangunan negara.

a) Nyatakan **empat (4)** kesilapan usahawan dalam perniagaan

(4 markah)

b) Huraikan **dua (2)** tokoh yang mendokong perkembangan usahawan.

(6 markah)

**SOALAN 2**

En Hamidi ingin menjalankan perniagaannya seorang diri. Beliau tidak suka berkongsi dengan orang lain. Beliau juga lebih suka menguruskan perniagaannya sendiri.

a) Berikan **dua (2)** kekurangan perniagaan milikan tunggal dan **dua (2)** kekurangan perniagaan perkongsian.

(4 markah)

b) Senaraikan **tiga (3)** institusi kerajaan yang menawarkan bantuan kewangan kepada usahawan. Terangkan secara ringkas skim pembiayaan yang ditawarkan.

(6 markah)

**SOALAN 3**

Analisis SWOT ialah rangka kerja yang digunakan untuk menilai kedudukan daya saing syarikat dan untuk membangunkan perancangan strategik

a) Huraikan dengan contoh situasi **empat (4)** elemen dalam analisis ini.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Rancangan perniagaan ialah dokumen bertulis yang memberi keterangan berkenaan perniagaan atau projek yang hendak dijalankan secara menyeluruh.

a) Senaraikan **empat (4)** tujuan rancangan perniagaan diwujudkan.

(4 markah)

b) Nyatakan **empat (4)** pengguna rancangan perniagaan tersebut.

(2 markah)

c) Dalam memastikan maklumat rancangan perniagaan yang disediakan boleh dirujuk, pengumpulan data sangat penting. Huraikan **dua (2)** jenis data dalam kaedah pengumpulan rancangan perniagaan.

(4 markah)

**SOALAN 5**

Pemasaran merupakan satu bahagian penting dalam perniagaan. Pemasaran yang berkesan akan memberikan impak kepada jualan bulanan sesebuah perniagaan.

- a) Senaraikan **empat (4)** langkah untuk menentukan ramalan jualan. (2 markah)
- b) Huraikan **empat (4)** strategi pemasaran (8 markah)

**[50 markah]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

Puan Norliana Zaini merancang hendak memulakan perniagaan kedai menjual kek di Taman Tampoi Utama. Selepas menjalankan kajian pasaran dalam kalangan pelajar Sekolah Pengurusan dan Sains Sosial KYPJ yang merupakan sasaran pasarannya, Puan Norliana Zaini bercadang menyediakan rancangan perniagaan bagi penilaian projek ini. Beliau merancang memulakan operasi pada 2 Januari 2022. Walau bagaimanapun, beliau memerlukan bantuan dalam penyediaan rancangan perniagaan tersebut. Maklumat yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. Puan Norliana Zaini bercadang membeli peralatan sejumlah RM78,150 dengan pembiayaan melalui sewa beli dan beliau perlu membayar deposit sejumlah 20% dari jumlah kos.
- b. Puan Norliana Zaini bercadang membawa van beliau dengan harga pasaran RM22,500 sebagai aset perniagaannya.
- c. Beliau juga bercadang membuat pengubahsuaian ke atas aset tetap sejumlah RM16,500
- d. Puan Norliana Zaini juga menjangkakan perbelanjaan bulanan mengikut bahagian–bahagian yang berkaitan adalah seperti berikut
  - i. Pentadbiran RM13,175
  - ii. Pemasaran RM375
  - iii. Operasi RM30,775
- e. Modal kerja disediakan untuk tempoh **tiga** bulan untuk memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.
- f. Pendaftaran perniagaan adalah sejumlah RM375 dan insurans sejumlah RM2,000
- g. Puan Norliana Zaini juga perlu membayar deposit untuk sewaan kedai sejumlah RM5,500 dan deposit untuk pelbagai utiliti sejumlah RM1,800.
- h. Puan Norliana Zaini juga menjangkakan kos luar jangka atau kontingensi ialah 10% dari jumlah kos.



- i. Bagi membiayai projek ini Puan Norliana Zaini bercadang membuat pinjaman perniagaan sejumlah RM150,000 dengan Bank Pembangunan yang mengenakan faedah 5% setahun dan menggunakan duit simpanan sejumlah RM52,000 sebagai tambahan membiayai projek ini.
- j. Susut nilai ke atas semua jenis aset ialah pada kadar 10% ke atas kos.
- k. Beliau menjangkakan jualan tahunan perniagaannya ialah RM1,487,500

Keperluan:

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan

- a) Jadual kos pelaksanaan projek  
(10 markah)
- b) Jadual sumber pembiayaan projek  
(4 markah)
- c) Sediakan jadual susut nilai bagi mesin dan peralatan untuk 3 tahun  
(6 markah)

## SOALAN 2

Syafiq bercadang membuka kilang membuat roti dengan nama Kedai Kek Mantop di kawasan Kampung Melayu Majidee. Syafiq mengenal pasti tujuh pesaing utama dan saiz pasaran ialah lebih kurang RM800,000 sebulan seperti maklumat berikut.

Bil	Nama Pesaing	Anggaran Jualan Sebulan (RM)
1	Master Patisserie (Johor)	200,000
2	Secret Recipe	240,000
3	Kilang Kek Sedap	80,000
4	Everytime Cake	120,000
5	Perniagaan Kek Valve	80,000
6	Kek Bilal	40,000
7	Kek Wani	40,000
<b>JUMLAH</b>		<b>RM800,000</b>

Syafiq menganggarkan bahawa jika perniagaannya mula beroperasi pada bulan Januari 2022, beliau akan dapat menguasai sebanyak 10% dari jumlah saiz pasaran di atas. Selepas kemasukan Kedai Kek Mantop, peratus pasaran pesaing Master Patissiere, Secret Recipe, Kilang Kek Sedap, Everytime Cake, Perniagaan Kek Valve, Kek Bilal dan Kek Wani masing-masing akan berkurang 1%, 2%, 1%, 2%, 2%, 1%, 1%

Syafiq meramalkan ramalan jualan untuk bulan Januari 2022 ialah sejumlah RM80,000 dan akan meningkat sebanyak 2% sebulan sehingga bulan Disember 2022.

Syafiq juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2023 akan meningkat sebanyak 10% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2022 dan juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2024 akan meningkat sebanyak 20% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2023.

Keperluan

- a) Sediakan jadual peratus pasaran sebelum kemasukan Kedai Kek Mantop.  
(4 markah)
- b) Sediakan jadual peratus pasaran selepas kemasukan Kedai Kek Mantop.  
(4 markah)
- c) Sediakan ramalan jualan untuk bulan Januari 2022 hingga Disember 2022.  
(8 markah)
- d) Sediakan ramalan jualan tahunan bagi tahun 2023 dan 2024.  
(4 markah)

**[40 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**